

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan benarkah pihak Kerajaan dalam perancangan untuk menjual kepentingan dalam MAHB. Adakah ini akan memberi kesan terhadap keselamatan negara dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan kepentingan negara kekal terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pemegang saham terbesar syarikat pengendali lapangan terbang Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) adalah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dengan jumlah pegangan 33.21%.
2. Selain itu, Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan unit amanah di bawah Permodalan Nasional Berhad turut memiliki pegangan di dalam MAHB.
3. Pada masa ini, Khazanah selaku pemegang saham terbesar tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menjual kepentingan atau melupuskan pegangannya dalam MAHB. Sekian, terima kasih.